

Sains, Matematik dalam BI ikut perancangan

UM - 9 SEP 2003

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad hari ini menjelaskan, pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan dijalankan berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan:

Musa berkata, berdasarkan kepada perancangan tersebut, pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik pada tahun depan akan melibatkan Tahun Satu dan Dua bagi sekolah rendah, Tingkatan Satu dan Dua bagi sekolah menengah.

Tambahnya, bagi Tingkatan Enam akan dijalankan sepenuhnya iaitu di Tingkatan Enam Bawah dan Atas serta Semua Kolej Matrikulasi.

“Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan RM500 juta bagi pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik yang melibatkan peruntukan penambahan peralatan seperti komputer bimbik, bahan-bahan pembelajaran dan pendidikan, serta kursus-kursus kepada guru-guru yang terlibat.

“Sebanyak 30,000 orang guru di Tahun Dua, Tingkatan Dua, Tingkatan Enam Atas dan pensyarah di Kolej Matrikulasi akan terlibat dalam pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik pada tahun depan,” katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini hari ini.

Musa berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan melaksanakan sepenuhnya pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan memandangkan ia terbukti berhasil meningkatkan pencapaian pelajar.

Menurut Dr. Mahathir, pelaksanaan penuh akan dibuat bagi membolehkan setiap penduduk negara ini memiliki pengetahuan asas mengenai kedua-dua mata pelajaran itu yang penting untuk kemajuan sesebuah negara.

Musa berkata, pemahaman beliau mengenai kenyataan Dr. Mahathir ialah merujuk kepada pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik me-

ngikut perancangan yang telah ditetapkan.

Sementara itu semasa menjawab soalan **Datuk Shaziman Abu Mansor (BN-Tampin)** pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini Musa memberitahu, kajian khas oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada Mei lepas menunjukkan bahawa pencapaian dalam ketiga-tiga mata pelajaran tersebut pada keseluruhannya adalah baik.

Musa berkata, kajian itu telah dijalankan ke atas 273 buah sekolah rendah yang melibatkan 112 sekolah bandar dan 161 sekolah luar bandar termasuk 45 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (Cina) dan 26 buah sekolah Tamil.

Sementara sekolah menengah melibatkan 72 buah sekolah menengah iaitu 47 sekolah bandar dan 25 sekolah luar bandar.

“Pencapaian bagi Tahun 1, purata skor Sekolah Kebangsaan (SK) bagi mata pelajaran bahasa Inggeris adalah 77.7 peratus, Sains (69.4 peratus) dan Matematik (77.4 peratus).